



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi : www.cgso.gov.my

Rujukan Kami : KPKK(S)600-12/4 JLD.4(7)

Tarikh : 20 Mac 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**ARAHAN TETAP KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023 – PANDUAN PAKAIAN SERAGAM PEMBANTU
KESELAMATAN DAN PENGAWAL KESELAMATAN KERAJAAN**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan berhubung perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan, sedia maklum, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010 – Penetapan Ketua Perkhidmatan Bagi Skim Perkhidmatan Yang Sedang Berkuat Kuasa Dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan menetapkan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan adalah Ketua Perkhidmatan kepada skim perkhidmatan Pegawai Keselamatan, Penolong Pegawai Keselamatan, Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan.

'RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN'



3. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah mengeluarkan Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2015 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan mengenai panduan pakaian seragam kerja kepada semua Pembantu Keselamatan Gred KP17, KP22 dan KP26 serta Pengawal Keselamatan Gred KP11 dan KP14 pada 10 Disember 2015 melalui rujukan surat KPKK(S)600-12/4 (39).

4. Walau bagaimanapun, CGSO telah mengambil tindakan mengemas kini Arahan Tetap tersebut supaya selaras dengan pertambahan lapisan gred seperti ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 – Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia. Kemas kini Arahan Tetap ini telah dilaksanakan dengan teratur berdasarkan peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara juga telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pakaian Seragam Baharu CGSO pada 9 Mac 2023.

5. Sehubungan dengan itu, Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2023 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan Dan Pengawal Keselamatan Kerajaan dikeluarkan dan berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini. Tempoh untuk menyelaraskan penyeragaman pakaian seragam CGSO adalah mulai tahun 2023 hingga 2024.

6. Dengan berkuat kuasanya Arahan Tetap ini, Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2015 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan Kerajaan dibatalkan.

7. Sukacitanya, bersama-sama dengan ini dilampirkan Arahan Tetap Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 1 Tahun 2023 – Panduan Pakaian Seragam Pembantu Keselamatan Dan Pengawal Keselamatan Kerajaan untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan jua.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHIMI BIN ISMAIL)

s.k.:

1. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
2. YBhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri